

18 JUN 1998

MDC-PERMOHONAN/I

MDC TERIMA 222 PERMOHONAN UNTUK TARAF MSC

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) telah menerima 222 permohonan sehingga semalam daripada syarikat-syarikat teknologi maklumat berkelas dunia untuk taraf Koridor Raya Multimedia (MSC).

Daripada angka itu, 146 permohonan telah diluluskan, kata Dr Mohd Ghazie Ismail, pengarah MDC bagi perkhidmatan pelanggan.

Beliau memberitahu pemberita selepas persidangan akhbar oleh sebuah syarikat usaha sama Malaysia-India, Aptech Worldwide Sdn Bhd, syarikat ke-146 yang diberikan taraf MSC, bahawa sehingga akhir tahun lalu, jumlah permohonan adalah sebanyak 175.

Mohd Ghazie berkata bilangan permohonan telah berkembang walaupun kelembapan ekonomi dan beliau menjangka trend itu akan berterusan memandangkan MSC, ilham daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, telah bergerak lebih awal daripada jadual dengan lebih daripada 14 syarikat telahpun menubuhkan pangkalan di Cyberjaya.

Beliau juga berkata MDC sendiri telahpun berpindah ke ibu pejabat barunya di Cyberjaya, yang tegasnya adalah lebih awal daripada jadual.

"Kami hanya menjangka berpindah ke ibu pejabat kami menjelang akhir 1999 dan begitu juga 14 syarikat itu, tetapi mereka telah datang lebih awal daripada dijangka," tambahnya.

Mohd Ghazie berkata dengan MDC menubuhkan pangkalannya di Cyberjaya, lebih banyak syarikat yang telah menerima taraf MSC akan turut berpindah ke sana.

Sebahagian daripada syarikat antarabangsa yang telah menerima taraf MSC termasuk Lucent, Nokia, Intel, Ericsson dan Motorola.

Mengenai syarat-syarat pembiayaan untuk sesetengah syarikat yang telah menyatakan minat untuk menjadi sebahagian daripada MSC, Mohd Ghazie berkata: "MDC, sebagai pemudah cara, masih berbincang dengan bank-bank mengenai bagaimana memperolehi dana-dana daripada "Tabung Industri Kecil dan Sederhana."

Terdapat banyak sumber dana yang termasuk Tabung Penyelidikan dan Pembangunan, Tabung IKS dan modal teroka, katanya.

Ketua pegawai operasi Aptech Worldwide, V Sukumar, berkata syarikat itu yang menerima taraf MSC pada 19 Mei tahun ini, adalah sebuah rangkaian teknologi maklumat dengan lebih 1,000 pusat di 10 negara.

Aptech sedang merancang untuk menggunakan Malaysia sebagai pusat serantau untuk membangunkan pendidikan dalam kejuruteraan perisian, telekomunikasi dan jaringan, multimedia dan teknologi perisian tertentu, melalui Internet dan melalui pendekatan pelbagai kaedah, yang akan menggabungkan video, CD-Rom dan latihan makmal.

Kursus pertama seumpamanya yang akan ditawarkan tidak lama lagi ialah dalam kejuruteraan perisian. Ia akan menggalakkan konsep latihan bertumpuan pelajar, di mana penuntut akan memilih masa dan tempat dia mahu belajar, kata Sukumar.

Jelasnya bahawa banyak ibu-bapa, yang tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke luar negeri untuk pendidikan tinggi disebabkan kesusutan nilai ringgit, kini boleh mencari pendidikan bermutu di dalam negara ini.

Operasi Aptech di Malaysia turut meliputi perundingan dan projek-projek IT dan bahawa syarikat itu telah memasuki peringkat akhir perundingan untuk dua buah projek multimedia besar di sini.

-- BERNAMA

DVS SHY OS